

## PEKELILING PENDAFTAR

Tarikh: 7 Julai 2020

Bil. 08/2020

Ruj:(62)dlm.UNISEL/PP/01.05Jld.I

### PINDAAN BUKU PERATURAN AKADEMIK : EDISI KEEMPAT 2020,BAHAGIAN 8.0: SISTEM GRED.

#### 1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pindaan Buku Peraturan Akademik: Edisi Keempat, April 2020 berkaitan Bahagian 8.0: Sistem Gred.

#### 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Sepertimana yang tercatat dalam Buku Peraturan Akademik: Edisi Keempat April 2020 pada bahagian 14.0: Peruntukan-peruntukan Am, yang menyebut bahawa Senat berhak meminda peraturan akademik dari semasa ke semasa.
- 2.2 Mesyuarat Senat Kali Ke 184 (Bil. 06/2020) bertarikh 24 Jun 2020 telah meneliti semula buku Peraturan Akademik: Edisi Keempat, April 2020, Bahagian 8.0: Sistem Gred, Perkara 8.2.1 (i).

#### 3.0 PINDAAN BUKU PERATURAN AKADEMIK

- 3.1 Mesyuarat telah meluluskan pindaan Bahagian 8.0: Sistem Gred, Perkara 8.2.1 (i) dalam Buku Peraturan Akademik : Edisi Keempat, April 2020 seperti berikut:

#### 8.0 SISTEM GRED

- 8.2.1 Takrifan dan pelaksanaan Gred Khas adalah seperti berikut:

##### (i) Gred IP [In Progress]

- a. Gred sementara yang diberi kepada kursus berbentuk Projek Tahun Akhir dan Latihan Industri yang tidak dapat dilengkapkan dalam tempoh satu semester.
- b. Bagi kursus berbentuk Projek Tahun Akhir, tempoh gred adalah tidak melebihi minggu ketujuh bagi semester berikutnya.

- c. Pelajar akan diberi Gred F sekiranya tidak melengkapkan Projek Tahun Akhir dan Latihan Industri dalam tempoh yang ditetapkan.
- d. Bagi kursus berbentuk Projek Tahun Akhir, pelajar perlu mendaftar diri dan kursus khas yang ditetapkan.
- e. Bagi pelajar yang menjalani Latihan Industri dan diberi Gred IP, serta berstatus diri PRAKTIKAL, pelajar tidak perlu mendaftar diri.
- f. Gred IP akan diganti dengan gred sebenar kursus selepas diperakukan oleh Senat.

#### **4.0 TINDAKAN**

- 4.1 Semua Fakulti, Pejabat, Jabatan, Unit hendaklah mematuhi dan melaksanakan arahan seperti yang tertakluk kepada pekeliling ini berhubung pindaan maklumat Buku Peraturan Akademik: Edisi Keempat, April 2020 bagi bahagian 8.0: Sistem Gred, **berkuatkuasa serta-merta** kepada semua pelajar baharu dan semasa.
- 4.2 Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, mana-mana pekeliling atau peraturan terdahulu serta pindaan-pindaan setakat mana yang bercanggah adalah terbatal.

Sekian, harap maklum.

Terima kasih.

#### **'PENERAJU TRANSFORMASI'**

Yang benar



**HAJAH ROKMAA BINTI HAJI MAT**  
Pendaftar

S.k : YBhg. Dato' Presiden & Naib Canselor  
 : Naib Presiden & Timbalan Naib Canselor (Akademik, Penyelidikan & Jaringan Industri)  
 : Naib Presiden & Timbalan Naib Canselor (Pembangunan Pelajar & Jaringan Komuniti)  
 : Bendahari